

# Kanak-kanak menderita akibat sakit hemofilia

Sherell Ann Jeffrey

DE

17/05/2011

KOTA KINABALU: Sama seperti kanak-kanak lelaki sebayanya, Kenny Sim Yi Hau, 11 tahun, suka memakan gula-gula coklat dan bermain Playstation. Bagaimanapun, dia bukanlah kanak-kanak biasa. Dia dilahirkan dengan penyakit hemofilia.

Sim yang berasal dari Sandakan menderita akibat Bengkak pada lutut dan pergelangan kakinya, disebabkan pendarahan yang kerap pada sendi-sendi (lazim dialami pesakit hemofilia). Dengan itu, dia tidak dapat berjalan dengan betul dan sekali sekala memerlukan kerusi roda untuk menghilangkan rasa sakitnya.

Penderitaan Sim itu mendapat perhatian Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Rosnah Ismail, semasa kerjasama mereka dengan Persatuan Haemofilia Malaysia dalam mengajurkan "Kem Kesihatan Hemofilia 2011" baru-baru ini.

Dr Rosnah bersama-sama pasukan Makmal Haemostasis dari Sekolah Perubatan UMS dan kakitangan Hospital Sandakan memulakan projek untuk membantu kanak-kanak ini memulihkan keupayaannya untuk berjalan dikenali sebagai "A Life Without Wheelchair, Kenny! - A Haemophilia Patient".

Sim akan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur dari 29 Mei hingga 3 Jun di mana dia akan dirawat sekumpulan kakitangan perubatan termasuk ahli hematologi, pakar makmal hemostasis, pakar bedah orthopedik, ahli pathologi, jururawat dan ahli fisioterapi.

"Ini merupakan usaha klinikal bersama pertama UMS dengan Pusat Darah Nasional di Kuala Lumpur," kata Dr Rosmah dalam satu



Kenny

sidang media, yang dihadiri Sim dan ibu bapanya di sini, Isnin.

"Diharapkan selepas rawatan di KL dan KK, dalam tempoh dua atau tiga bulan dia sudah boleh berjalan dan bermain tanpa perlu menggunakan kerusi roda,"

gunakan katanya. "Bagaimanapun, tidak ada penyembuhan sepenuhnya buat pesakit hemofilia kerana ia bersifat genetik. Kita hanya boleh memberikan rawatan untuk melegakannya," tambah beliau.

Sehingga kini, Sekolah Perubatan UMS merupakan satu-satunya di rantau ini yang menawarkan makmal diagnosis hemofilia secara percuma. Makmal itu dibuka dua puluh empat jam dan menyediakan khidmat kepada hospital di seluruh Sabah dan Sarawak.

Makmal itu diilhamkan Dr A. Thiruchelvam yang melalui pengetahuan dan kepakarannya membantu menubuhkan kemudahan tersebut untuk menjalankan diagnosis seperti itu pada Ogos tahun lalu.

Haemofilia merupakan gangguan genetik yang mengurangkan keupayaan darah seseorang untuk mengental dan boleh menyebabkan pendarahan tidak terkawal. Dia biasanya berlaku pada lelaki dan jarang pada wanita kerana gen yang bermutasi dalam dua bentuk hemofilia adalah pada kromosom X lazimnya dipindahkan daripada ibu kepada anak lelaki.

Pendarahan biasa berlaku dalam sendi-sendi seperti lutut dan pergelangan kaki dan siku. Kadang kala pendarahan ke dalam otot atau organ dalaman boleh berlaku.

Mereka yang berminat untuk mengetahui lebih banyak mengenai perkara ini boleh hubungi Dr Mohammad Taufik 019 2899300 atau Dr Thiruchelvam 0192542406.